

Ucapan Perasmian

Yang Berhormat Tuan Baru Bian

Menteri Kerja Raya

Majlis Pelancaran Hari QLASSIC 2018

Grand Ballroom, Hotel Renaissance Kuala Lumpur

16 Ogos 2018 (Khamis)

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat pagi dan Salam Sejahtera.

1. Di pagi yang mulia ini, saya berbesar hati kerana berpeluang untuk bersama-sama meraikan **Majlis Hari QLASSIC 2018** anjuran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**.
2. Saya difahamkan bahawa **Hari QLASSIC** merupakan salah satu acara tahunan yang amat penting. Ini adalah tahun kelima **Hari QLASSIC** dianjurkan oleh CIDB bertujuan untuk mempromosikan penggunaan sistem penilaian kualiti dalam industri pembinaan tempatan. Selain itu, acara ini turut dilaksanakan bagi meraikan dan mengiktiraf pemaju industri pembinaan yang telah mencapai prestasi tinggi. Saya yakin dengan kelangsungan acara ini, dibantu dengan sokongan serta penglibatan aktif para penggiat industri, dapat meningkatkan kualiti dan mutu pembangunan industri pembinaan di Malaysia.
3. Saya dimaklumkan pada hari ini, sebanyak **25 pemaju, 31 kontraktor dan 32 arkitek bakal menerima pengiktirafan pada Hari QLASSIC 2018 yang mana**

terdapat 37 buah projek berjaya memperoleh skor QLASSIC melebihi 80 peratus. Syabas saya ucapkan! Pencapaian ini sememangnya selaras dengan aspirasi kerajaan baharudalam memastikan sektor pembinaan di Malaysia mencapai piawaian mutu kerja yang tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Tidak dinafikan bahawa sektor pembinaan merupakan antara salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara yang telah mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi dari tahun ke tahun, melebihi sektor-sektor ekonomi yang lain di Malaysia.
5. Namun begitu, Kementerian Kerja Raya amat komited untuk terus membantu penggiat industri menambah baik kualiti dan mutu dalam industri pembinaan agar menjadi lebih berdaya saing dan mampu berkembang ke tahap yang lebih tinggi. Pada masa kini, kita sering terbaca tentang pembeli rumah menghadapi masalah selepas menerima kunci rumah baharu daripada pemaju, dan terpaksa mengeluarkan duit untuk memperbaiki rumah yang dibeli. Masalah ini perlu, dan dapat dielakkan.
6. Sehubungan itu, sistem QLASSIC merupakan satu usaha yang amat baik kerana ianya dapat memberi penilaian secara objektif terhadap kualiti mutu kerja projek pembinaan melalui sistem pemarkahan.
7. Saya amat berbangga apabila melihat penggunaan QLASSIC bagi projek pembinaan bangunan di Malaysia meningkat secara konsisten. Pada tahun 2015, 272 penilaian QLASSIC dilaksanakan, pada 2016 311 projek, manakala 2017 sejumlah 341 projek.

8. Tambahan lagi, statistik juga dapat memperlihatkan perubahan ketara dari segi peningkatan kualiti projek-projek yang dibina oleh beberapa pemaju besar. Peningkatan ini dapat dilihat pada skor QLASSIC yang diperolehi para pemaju. Sebagai contoh pada tahun 2013, bilangan projek pembinaan bangunan yang mendapat skor 80 peratus dan ke atas, adalah sebanyak **10 projek, namun pada hari ini, jumlahnya meningkat kepada 37 projek** pada tahun 2017. Peningkatan-peningkatan seperti ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan. Tahniah kepada semua yang terlibat!

9. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada beberapa projek-projek kerajaan, yang telah membuktikan bahawa kualiti adalah satu keutamaan. Projek pembinaan Ibu Pejabat SPRM (7G1) misalnya, telah berjaya memperoleh skor sebanyak 81% dalam penilaian QLASSIC 2017. Jelaslah ini menyangkal menunjukkan bahawa projek-projek kerajaan sememangnya mampu memperoleh hasil kualiti pembinaan yang tinggi. Di sini saya ingin mengingatkan semua pemilik projek dari pihak kerajaan, mahupun swasta bahawa, adalah menjadi lumrah untuk pengalaman pertama kualiti pembinaan di nilai menggunakan QLASSIC, projek itu mungkin mendapat markah yang rendah. Namun, skor ini perlu dilihat secara positif kerana ia menjadi baseline atau tanda aras untuk setiap pemilik projek membuat penambahbaikan kualiti hasil kerja untuk projek-projek seterusnya. Saya difahamkan terdapat banyak pemilik projek yang bermula dengan angka QLASSIC yang rendah untuk projek pertama mereka yang dinilai oleh QLASSIC, tetapi kini projek-projek mereka diiktiraf di Hari QLASSIC dengan skor melebihi 80 peratus. Syabas saya ucapkan!

10. Justeru itu, saya menggesa agar para penggiat industri pembinaan terus menggunakan penilaian QLASSIC ke atas projek-projek pembinaan yang dilaksanakan. Usaha yang diambil ini, boleh mewujudkan kualiti hasil kerja pembinaan yang tinggi di samping memacu pertumbuhan sektor pembinaan.

Hadirin sekalian,

11. Saya difahamkan bahawa sejak tahun lepas, CIDB telah pun memulakan kempen bagi mempromosi QLASSIC, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran serta permintaan penggunaan QLASSIC daripada orang ramai, khususnya oleh bakal pembeli rumah. Antaranya, melalui hebahan informasi dan saranan berkaitan QLASSIC di siaran-siaran radio pada waktu *drive time*
12. Usaha *market-driven approach* ini akan terus meningkatkan permintaan penilaian QLASSIC daripada pembeli, yang seterusnya menjadikan syarikat-syarikat pemaju lebih komited untuk mendapatkan penilaian QLASSIC keatas projek pembinaan mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Pada hari ini kita akan menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara pihak CIDB dan juga Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB).
14. Menerusi MoU ini, saya difahamkan pihak BPMB akan menggunakan penilaian QLASSIC sebagai syarat dalam peminjaman dana dari BPMB untuk pembinaan projek-projek bangunan. Ini adalah bagi memantau kualiti projek-projek tersebut. Di dalam kolaborasi ini, CIDB akan menjalankan penilaian QLASSIC ke atas projek BPMB, termasuk menyediakan latihan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai QLASSIC.
15. Saya yakin dengan promosi serta galakkan berterusan terhadap QLASSIC yang diambil oleh CIDB, turut disokong dengan kolaborasi antara agensi-agensi kerajaan dan swasta, boleh merealisasikan aspirasi Kementerian Kerja Raya

untuk menjadikan industri pembinaan lebih maju dan berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

16. Marilah kita bekerjasama dalam menjadikan QCLASSIC sinonim dengan kualiti di dalam industri pembinaan, selaras dengan sasaran Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) untuk Membudayakan Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme di dalam industri pembinaan. Sasaran ini hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama dan komitmen semua pihak, seperti yang disebut di dalam slogan CITP, “Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan.”

17. Dengan ucapan tersebut ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Hari QCLASSIC 2018.**

Sekian, terima kasih.

#####